

22 NOV 1999

Ling-Lawatan

LIONG SIK "TURUN PADANG" TINJAU BILIK GERAKAN

KUALA LUMPUR, 22 Nov (Bernama) -- Walaupun akan bertanding bagi kawasan Parlimen Labis di Johor, Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini "turun padang" untuk memastikan bilik gerakan parti itu di kawasan parlimen Ampang Jaya dalam keadaan sempurna dan bersedia menghadapi pilihan raya pada 29 Nov ini.

Lawatannya selama setengah hari di sini diiringi calon Barisan Nasional (BN) Datuk Ong Tee Keat yang akan mempertahankan kerusi parlimennya bagi kawasan Ampang Jaya bersama-sama kira-kira 100 penyokong mereka.

Dalam ucapannya kepada anggota MCA yang hadir di bilik gerakan itu, Ling mengingatkan mereka agar jangan terlalu yakin untuk memenangi mudah pilihan raya ini, sebaliknya harus menganggap semua kawasan yang ditandingi sebagai kawasan hitam dan bekerja sekuat mungkin untuk mencapai kemenangan.

Ling, yang ditemui pemberita selepas lawatan itu, berkata dengan adanya lawatan seperti ini barulah dapat dilihat bahawa sesungguhnya memang wujud satu hubungan dan kerjasama yang erat di antara kaum dan parti-parti komponen dalam BN.

Katanya, mereka (penyokong) sama-sama sanggup bekerja keras bagi memastikan kemenangan semua calon BN dalam pilihan raya ini tanpa mengira parti komponen yang bertanding.

"Kerjasama antara kaum dan parti itu juga semakin terbukti apabila banyak perniagaan hari ini bertambah maju berbanding tahun lalu. Ini merupakan tanda kejayaan negara kita di bawah pimpinan BN dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Antara bilik gerakan yang dilawati Ling ialah bilik gerakan MCA di Taman Muda dan bilik gerakan Kampung Baru Ampang.

Penduduk setempat yang hadir sama di bilik gerakan Kampung Baru Ampang juga sempat meraikan hari jadi Ong ke-43 dengan memotong kek.

Ong, yang juga bekas Timbalan Speaker Dewan Rakyat, akan ditentang calon Parti Keadilan Nasional R.Sivarasa pada pilihan raya umum ke-10 ini.

-- BERNAMA

NHA AKD